



24 JAN, 2023

3 penyelidik hasil aplikasi biaya tenaga diperbaharui



Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

3 penyelidik hasil aplikasi biaya tenaga diperbaharui

KUANTAN: Tiga penyelidik dari Universiti Tenaga Nasional (Uniten) dan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (Jawhar) menggunakan Sistem Aplikasi Pengurusan Sisa Wakaf Hijau (GWWMS) berlandaskan prinsip syariah pertama di negara ini.

GWWMS bakal menjadi sumber rujukan utama dalam kalangan organisasi Jabatan Wakaf bukan sahaja di negara ini malah di seluruh dunia sebagai instrumen yang baharu dalam penilaian terhadap Tabung Dana Wakaf yang diseliakan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua penyelidik, Siti Fara Fadila Abd. Razak dari Uniten berkata, aplikasi itu dibangunkannya bersama dua lagi penyelidik iaitu Pengarah Jawhar, Hairrolanuar Mohamad dan Pegawai Jawhar, Hafizah Muhamad.

Katanya, GWWMS adalah sistem elektronik yang dibangunkan khas untuk jabatan-jabatan wakaf khususnya di seluruh negara ini untuk membaiayai projek-projek tenaga diperbaharui.

"Sistem ini memberi pilihan alternatif bagi membaiayai projek-projek tenaga diperbaharui se-lain memaksimumkan instrumen sukuk. Ia juga dapat memaksimumkan pengurusan sisa yang mana hasil daripada kitar semula bahan buangan boleh disumbang semula kepada projek wakaf terutama yang menyokong projek-projek tenaga diperbaharui.

"Selain itu, sistem ini mampu meyakinkan pewakaf berkaitan proses yang telus diterapkan oleh Jabatan Wakaf dalam menguruskan dana wakaf yang diamanahkan," katanya di sini semalam.

Siti Fara Fadila berkata, GWWMS menitikberatkan slogan *Anytime Everywhere* yang mana sistem itu boleh diakses dengan mudah pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.